

Headline **Pantau konflik komuniti Islam**
Date **18 Jul 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **1,458**

Language **Malay**
Page No **S21**
Article Size **265 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **4,373**



Pantau konflik komuniti Islam

SUNGAI BESAR – Pemantauan terhadap masyarakat Islam terutama mereka yang terdiri dalam kelompok bermasalah perlu ditingkatkan.

Pengerusi Biro agama UMNO bahagian sungai Besar, Azhar Habib berkata, selain menjaga kebajikan kumpulan berkenaan, sebarang tindakan yang diambil terhadap masyarakat Islam yang berdepan dengan konflik juga sebenarnya dapat menyelamatkan maruah Islam sebagai agama suci.

Menurutnya, sekiranya masyarakat Islam yang bermasalah terus dibiarkan, keadaan itu hanya menampakkan kelemahan khususnya dari aspek tanggungjawab yang seharusnya dipikul bersama.

"Kita sebagai masyarakat juga

memerlukan kesedaran tinggi, membantu sesama manusia, terutamanya yang seagama adalah dituntut untuk menjaga keharmonian dan maruah agama," katanya ketika ditemui pada sesi tazkirah sempena penyampaian sumbangan mesra Jumaat di Pejabat dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Panjang di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai 14 pesakit HIV/Aids beragama Islam yang berada di bawah perlindungan dan penjagaan sebuah gereja di Selangor seperti yang dilaporkan Sinar Harian, Khamis lepas.

Azhar berkata, keadaan itu menuntut kesedaran masyarakat Islam mengenai sikap kepedulian antara umat.

Menurut beliau, kesalahan ti-

dak terletak kepada penghuni berkenaan semata-mata kerana sekiranya masyarakat, jabatan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) mempunyai misi tanggungjawab untuk membantu, perkara seumpama itu tidak berlaku.

"Jangan biarkan orang Islam bersendirian menghadapi masalah dan kita berharap pihak yang berkaitan dapat mencari jalan, meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap perkara seumpama ini agar ia tidak berlaku lagi," katanya.

Dalam majlis mesra Jumaat semalam, 85 penerima terdiri daripada keluarga susah, warga emas dan ibu tunggal menerima sumbangan berupa barangan keperluan dapur yang disampaikan Timbalan Ketua UMNO bahagian Sungai Besar, Datuk Ramli Norani.



◆ Munah Akhbar daripada Kampung Baru Nelayan menerima sumbangan sempena Mesra Jumaat daripada Ramli di sini, semalam.